

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

1. Projek Lebuhraya Bertingkat Juru-Sungai Dua.
 - (a) Apakah kaedah yang akan digunakan untuk melaksanakan projek ini?
 - (b) Berapakah luas kawasan tanah yang akan terlibat dengan pengambilan tanah dan kos yang terlibat?
 - (c) Adakah lebuhraya yang siap dibina nanti akan dikenakan bayaran (tol)?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. (a) Merujuk pengumuman YAB Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024, pelaksanaan Projek Lebuhraya Bertingkat Juru-Sungai Dua adalah melalui kaedah pembiayaan secara *public private partnership* (PPP). Sehubungan itu, PPP merupakan rujukan utama kaedah pembiayaan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR). Walau bagaimanapun, model bisnes masih di peringkat penelitian KKR dan akan dimuktamadkan secepat mungkin bagi memastikan projek dapat dilaksanakan segera.
 - (a) Anggaran awal kos pengambilan tanah pada masa ini adalah sebanyak RM100 juta. Keluasan sebenar pengambilan tanah yang terlibat akan ditentukan setelah kerja ukur tanah bagi jajaran jalan yang berkaitan dilaksanakan.

- (b) Berdasarkan pembentangan oleh YAB Perdana Menteri di dalam Belanjawan 2025 menyatakan projek pembangunan akan dilaksanakan dengan mengambil kira elemen 'pengguna bayar'. Pembangunan projek lebuh raya baharu mungkin akan melibatkan kadar tol tambahan yang perlu ditanggung oleh pengguna. Namun begitu, kadar tol akan ditentukan selepas cadangan pembiayaan projek dimuktamadkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

2. Isu kawasan penempatan tanah persendirian Ladang Hong Seng.
 - (a) Mengapakah pada dahulu kontraktor Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) masuk ke kawasan ini untuk kerja pembersihan tetapi tidak lagi sejak dua tahun lepas?
 - (b) Berikan secara terperinci pemilik tanah di kawasan ini.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. (a) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) hanya melaksanakan perkhidmatan pembersihan jalan dan parit di kawasan Ladang Hong Seng yang melibatkan kawasan jalan utama yang menghubungkan kawasan kampung tersebut. Perkhidmatan ini dijalankan berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa.

Walau bagaimanapun, untuk lorong-lorong di dalam kampung, pembersihan sebelum ini banyak dilakukan melalui program kesedaran komuniti dan gotong-royong yang dianjurkan oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bersama penduduk. Aktiviti ini bukan sahaja membantu menjaga kebersihan tetapi juga menggalakkan kerjasama dan semangat gotong-royong dalam kalangan penduduk.

- (b) Ladang Hong Seng terletak di atas tanah milik Lot 3599, Lot 3600, Lot 3621 Mukim 18 dan Lot 988 Seksyen 1 Bandar George Town yang didaftarkan atas nama beberapa individu. Perincian senarai nama pemilik tanah di kawasan Ladang Hong Seng adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A**SENARAI PEMILIK TANAH LADANG HONG SENG**

Bil.	Lot/Mukim	Pemilik	Kepentingan
1	3599/18	Oh Aik Kim Oh Kim Seng Oh Soo Chong Oh Theam Hock	} Pemegang Amanah Keseluruhan Bahagian
2	3600/18	Oh Kay Seang Oh Sin Kek Oh Tek Hok Oh Tye Heng Oh Wee Pin Oh Yin Aik	(1/6) Pemilik (1/6) Pemilik (1/6) Pemilik (1/6) Pemilik (1/6) Pemilik (1/6) Pemilik
3	3621/18	Oh Aik Kim Oh Kim Seng Oh Soo Chong Oh Theam Hock	} Pemegang Amanah Keseluruhan Bahagian
4	988/S.1 BGT	Lo Seng Hooi Loo Soon Teik Phang Kim Hong Teoh Kim Heng	(1/4) Pemilik (1/4) Pemilik (1/4) Pemilik (1/4) Pemilik

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

3. Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang.
- (a) Mengapakah sehingga sekarang, projek ini masih belum bermula?
 - (b) Jajaran yang telah dimuktamadkan akan melibatkan berapa kos pengambilan tanah? Berikan dengan terperinci kos dan tempat yang terlibat.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. (a) MRT Corp sebagai Agensi pelaksana sedang dalam proses rundingan peringkat akhir dengan SRS Consortium berkenaan kontrak *Civil Main Contractor 1* (CMC1) untuk pembinaan Fasa 1 Laluan Mutiara iaitu daripada Komtar ke Pulau Silikon. Tarikh bermula pembinaan tertakluk kepada pemuktamad dan rundingan tersebut.
- (b) Proses pewartaan Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi Koridor Jajaran Fasa 1 telah dilaksanakan supaya pihak MRT Corp dapat menjalankan kerja-kerja survei dan ukur tanah. Pihak MRT Corp kini juga sedang dalam proses mengadakan perbincangan dengan pemegang-pemegang taruh (*stakeholders*) berkaitan untuk memuktamadkan pengambilan balik tanah berdasarkan Seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960. Maklumat-maklumat terperinci perlu dirujuk dengan Kementerian Pengangkutan atau MRT Corp.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

4. Isu penempatan tanah persendirian Ladang Lada.
- (a) Berikan dengan terperinci pemilikan tanah di kawasan ini.
 - (b) Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menerima sebarang cadangan untuk membangunkan kawasan ini dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. (a) Ladang Lada (Pepper Estate) terletak di atas tanah milik Lot 2859 dan Lot 3643 Mukim 18 yang merupakan tanah milik yang didaftarkan atas nama Beverly Heights Properties Sdn. Bhd.
- (b) Berdasarkan rekod sedia ada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), tiada sebarang Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) yang diterima bagi pembangunan di kawasan Ladang Lada. Walau bagaimanapun, pihak MBPP sentiasa terbuka kepada pihak yang berminat bagi cadangan pembangunan yang bermanfaat untuk komuniti.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

5. Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).
- (a) Berapakah kos dan keluasan tanah yang akan terlibat dengan pengambilan tanah?
 - (b) Adakah semasa projek pembesaran dijalankan ia akan mengganggu operasi LTAPP dan memberi imej yang kurang baik kepada pelancong?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. (a) Kementerian Pengangkutan Malaysia telah diperuntukkan sebanyak RM93 juta di dalam RMKe-12 bagi urusan Pengambilan Tanah, Bayaran Pampasan Dan Pembayaran Penggantian Fasiliti Kerajaan Bagi Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Anggaran keluasan tanah yang terlibat adalah sebanyak 24,713.922 meter persegi. Kos bagi pengambilan tanah dan bayaran pampasan bagi struktur-struktur yang terlibat akan ditentukan menerusi penilaian yang akan dilaksanakan setelah pewartaan Seksyen 8, Akta Pengambilan Tanah 1960 selesai.
- (b) Projek pembesaran tidak akan mengganggu operasi LTAPP. Pelan mitigasi bagi memastikan LTAPP dapat beroperasi seperti biasa akan disediakan oleh pihak pengurusan MAHB dan pelan tersebut akan dikemas kini dan ditambah baik dari masa ke masa mengikut kesesuaian projek berjalan agar tidak mengganggu operasi harian LTAPP.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

6. Projek Pembaharuan Semula Bandar (URC) di Flat Padang Tembak.
- (a) Apakah status terkini projek ini?
 - (b) Adakah pihak Kerajaan Negeri akan mengadakan kaedah *Request for Proposal* (RFP) bagi projek ini?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Rumah Pangsa Padang Tembak yang didirikan di atas Lot 1275 hingga Lot 1283, Seksyen 2, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang merangkumi sembilan (9) buah blok bangunan 16 dan 17 tingkat dengan keseluruhan 3,653 unit kediaman serta 65 lot kedai.
- (a) Bagi cadangan/perancangan jangka masa panjang Rumah Pangsa Padang Tembak, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah menyenaraikan skim perumahan ini sebagai projek rintis Pembaharuan Semula Bandar (URC) di bawah *Rolling Plan 5* (RP5) Tahun 2030, Pelan Induk Perancangan Pembangunan Rumah Mampu Milik 2026 hingga 2030. Perancangan pelaksanaan projek ini diletakkan pada tahun 2030 bagi memberi laluan kepada pelaksanaan penyediaan Laporan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Padang Tembak oleh pihak PLANMalaysia@Pulau Pinang. Mesyuarat penyelarasan bagi gerak kerja perancangan kajian untuk penyediaan Laporan RKK Padang Tembak ini telah diadakan pada 1 April 2024 di Pejabat Projek Zon Utara.

- (b) Berdasarkan data semasa di Rumah Pangsa Padang Tembak, ketumpatan (density) semasa bagi pembangunan sedia ada adalah 204 unit/ekar dan ketumpatan ini didapati tinggi bagi sesuatu kawasan kediaman. Keadaan infrastruktur di Rumah Pangsa Padang Tembak pada masa ini juga dilihat agak kritikal dengan keadaan struktur bangunan yang sudah uzur, di samping gangguan bekalan air dan elektrik yang sering berlaku. Selain daripada itu, isu penyediaan Tempat Letak Kereta (TLK) merupakan permasalahan yang turut berkait rapat dengan Rumah Pangsa Padang Tembak. Kesemua isu ini mendorong kepada keperluan untuk pelaksanaan Projek URC di Rumah Pangsa Padang Tembak. Walau bagaimanapun, berdasarkan ketumpatan penghunian semasa, projek ini dilihat tidak akan dapat dilaksanakan melalui kaedah *Request for Proposal* (RFP) iaitu tender akan dibuka untuk tawaran cadangan daripada pihak pemaju. Ini kerana pihak pemaju perlu menyediakan sebanyak 3,653 unit gantian percuma untuk unit kediaman dengan saiz minimum 650 kaki persegi dan 65 unit kedai. Selain itu, pemaju tidak akan dapat membina unit yang banyak untuk memberi subsidi silang / *cross subsidy* berdasarkan ketinggian dan ketumpatan sedia ada bangunan. Ini akan menyebabkan projek ini tidak sesuai untuk diteruskan berdasarkan kajian kebolehlaksanaan dan unjuran aliran tunai.

Sehubungan dengan itu, bantuan dari Kerajaan Pusat adalah sangat diperlukan bagi membolehkan pelaksanaan Projek URC Padang Tembak ini diteruskan. Perkara ini akan dibincangkan di peringkat negeri terlebih dahulu sebelum ia dipanjangkan ke peringkat Persekutuan sejurus Laporan RKK Padang Tembak ini disiapkan kelak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

7. Kemasukan pelancong ke Pulau Pinang.
- (a) Berapakah penerbangan antarabangsa yang ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) sekarang? Berikan secara terperinci.
 - (b) Berapakah jumlah bilik hotel yang ada di Pulau Pinang (hotel tiga bintang dan ke atas)?
 - (c) Berapakah jumlah Cukai Pelancongan yang disumbangkan balik Kerajaan Pusat?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Berdasarkan maklumat daripada Malaysia Airports Holding Berhad, jumlah penumpang yang tiba melalui penerbangan antarabangsa ke Pulau Pinang bagi tempoh Januari hingga September 2024 ialah 1,395,487 orang berbanding 1,269,254 orang sepanjang tahun 2023.

Pecahan mengikut bulan adalah seperti jadual di bawah:

Ketibaan Antarabangsa Pulau Pinang Januari - September 2024	
Bulan	Ketibaan
Januari	145,391
Februari	148,349

Mac	162,495
April	157,140
Mei	128,869
Jun	170,882
Julai	169,799
Ogos	151,584
September	160,978
Jumlah	1,395,487

Jadual 1: Ketibaan Pelancong Antarabangsa Melalui Penerbangan Antarabangsa ke Pulau Pinang Mengikut Bulan.

- (a) Pada masa ini, Pulau Pinang mempunyai 18 penerbangan terus antarabangsa dari bandar-bandar seperti Singapura, Bangkok, Phuket, Guangzhou, Xiamen, Hong Kong, Medan, Jakarta, Surabaya, Banda Aceh, Taipei, Ho Chi Minh City, Dubai, Shanghai, Shenzhen, Doha, Chongqing dan Kunming.

Penerbangan Antarabangsa ke Pulau Pinang		
Bil.	Bandar	Syarikat Penerbangan
1.	Bangkok Don Mueang	Thai Airways, Firefly AirAsia, Thai Lion Air
2.	Hong Kong	Cathay Pacific, AirAsia, HK Express
3.	Medan	AirAsia, Lion Air, Citilink, Firefly, Batik Air
4.	Singapura	AirAsia, Jetstar, Scoot Airlines, Singapore Airlines, Firefly
5.	Jakarta	AirAsia, Batik Air
6.	Surabaya	AirAsia
7.	Banda Aceh	Firefly
8.	Phuket	Firefly
9.	Guangzhou	China Southern Airlines
10.	Taipei	China Airlines, Starlux Airlines
11.	Ho Chi Minh City	AirAsia
12.	Xiamen	Xiamen Airlines
13.	Dubai	Flydubai

14.	Shanghai	Juneyao Airlines, Shanghai Airlines
15.	Shenzhen	Shenzhen Airlines, AirAsia
16.	Doha	Qatar Airways
17	Chongqing	Firefly
18	Kunming	Batik Air

Jadual 2: Senarai Penerbangan Antarabangsa ke Pulau Pinang

- (b) Jumlah bilik hotel yang ada di Pulau Pinang (hotel tiga bintang dan ke atas) adalah sebanyak 13,669 bilik hotel.
- (c) Jumlah Cukai Pelancongan yang disumbangkan balik Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah seperti jadual berikut:

TAHUN	JUMLAH (RM)
2020	10,065,021.00
2021	3,298,111.40
2022	13,345.00
2023	4,501.00
2024	7,401,106.00
JUMLAH	20,782,084.40

Jadual 3: Jumlah Cukai Pelancongan Yang Disumbangkan Balik Kerajaan Pusat Mengikut Tahun.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

8. Pokok yang mempunyai risiko tumbang.
- (a) Berapakah jumlah pokok yang berisiko tumbang di kawasan DUN Kebun Bunga yang telah dikenal pasti oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan tindakan lanjut yang akan diambil?
 - (b) Berikan lokasi pokok yang terlibat ini.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. (a) Sehingga kini, jumlah keseluruhan pokok yang berada di atas rizab jalan kawasan DUN Kebun Bunga adalah sebanyak 770 batang pokok. Daripada jumlah tersebut, terdapat sebanyak enam (6) batang pokok yang berisiko yang telah dikenal pasti melalui kajian oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Enam (6) batang pokok yang berisiko ini sedang dalam tindakan penebangan oleh pihak MBPP yang dijadualkan pada awal bulan November 2024.
- (b) Lokasi enam (6) batang pokok yang berisiko tumbang di kawasan DUN Kebun Bunga adalah terletak di Jalan Utama, George Town.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

9. Isu penempatan tanah persendirian Kampung Mount Erskine.
- (a) Berikan secara terperinci pemilikan tanah di kawasan ini.
 - (b) Adakah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menerima sebarang cadangan pembangunan di kawasan ini termasuk permohonan untuk membeli tanah MBPP sebagai laluan akses?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. (a) Tanah-tanah yang berada di kawasan persendirian Kampung Mount Erskine adalah Lot 3606 (GM 190), Lot 3607 (GM 218), Lot 3813 (GM 361) dan Lot 3814 (GM 362), Mukim 18, Daerah Timur Laut (DTL). Maklumat terperinci berkaitan pemilikan tanah bagi lot-lot tersebut merupakan maklumat berbayar di bawah Kaedah-kaedah Tanah Pulau Pinang 2021 (*Penang Land Rules*). Maklumat ini boleh diperolehi melalui carian persendirian atau carian rasmi di laman sesawang PgLand dengan menjelaskan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Tanah Pulau Pinang 2021. Perincian butiran pemilikan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Berdasarkan rekod MBPP, setakat ini tiada Permohonan Kebenaran Merancang (PKM) yang dikemukakan bagi kawasan Kampung Mount Erskine. Walau bagaimanapun, terdapat satu (1) permohonan untuk menggunakan/membeli tanah MBPP di Lot 3812, Mukim 18, DTL, Pulau Pinang bagi tujuan laluan keluar masuk ke projek pembangunan di lot

bersebelahan. Permohonan tersebut masih dalam proses penyediaan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk diangkat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

LAMPIRAN A**SENARAI PEMILIK TANAH KAMPUNG MOUNT ERSKINE**

BIL.	LOT/MUKIM	PEMILIK	KEPENTINGAN	
1	3606/18	Rakesh a/l Rethinasamy Rathika a/p Rethinasamy	Pemilik	
2	3607/18	Ramesh a/l Rethinasamy Rakesh a/l Rethinasamy Rathika a/p Rethinasamy Dhiraj a/l Sham Sunder Phua Kean Lam Subramaniam a/l Ramalingam		
3	3813/18	Spectral Heights Sdn. Bhd.		Pemilik
4	3814/18	Koperasi Bodhi Heart Berhad		Pemilik

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

10. PDC Nusabina.

- (a) Berikan perincian empat projek yang bernilai RM137.65 juta yang diberikan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) kepada PDC Nusabina seperti dalam Laporan Ketua Audit Negara 2023.
- (b) Apakah sebab utama tiga projek telah ditamatkan lebih awal?
- (c) Apakah kaedah yang akan diambil oleh PDC supaya perkara ini tidak berulang lagi?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

10. (a) Perincian empat projek yang bernilai RM137.65 juta yang diberikan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) kepada PDC Nusabina (PDCN) seperti dalam Laporan Ketua Audit Negara 2023 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Sebab utama tiga projek telah ditamatkan lebih awal adalah seperti berikut:

PROJEK	SEBAB UTAMA
Kerja Tanah Byram	Pembangunan di kawasan ini telah ditangguhkan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu kerja-kerja telah ditamatkan sebelum dapat dilaksanakan sepenuhnya.
Kerja Tanah di BCTP	PDCN tidak dapat menampung kenaikan kos operasi kerana kenaikan harga membekal tanah

	merah yang melambung tinggi berbanding harga yang telah dipersetujui semasa tawaran diterima. Oleh itu pihak PDCN memohon untuk ditamatkan secara <i>mutual termination</i>
Kerja Tanah di Tapak Bersebelahan Lapangan Terbang Bayan Lepas	PDCN menerima notis memberhentikan kerja di tapak bina berikutan PDC menerima notis pemberhentian kerja dari pihak MBPP.

- (c) Terdapat beberapa kaedah yang diambil oleh PDC supaya perkara ini tidak berulang lagi iaitu:
- (i) Kajian awal yang lebih terperinci perlu dibuat sebelum memanggil tender sesuatu projek;
 - (ii) Melantik kontraktor yang berpengalaman dalam menjalankan kerja tanah dan keupayaan dalam aspek kewangan, teknikal, mempunyai sumber tanah dan loji yang mencukupi; dan
 - (iii) Memastikan kelulusan pelan pembangunan diperolehi sebelum memulakan kerja di tapak.

SENARAI KERJA TANAH BAGI PDC NUSABINA SDN. BHD.

NO.	DESKRIPSI KERJA	PELANGGAN	STATUS	PERINCIAN	TARIKH		NILAI KONTRAK (RM)
					MULA	TAMAT	
1	<u>2021</u> Cadangan Kerja Menambun Tanah dan Membaik Pulih Tanah serta Lain Kerja yang Bersangkutan Dengannya Di BKIP 2, Byram, Mukim 11, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. (<i>Earthwork Byram</i>).	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	Penamatan Bersama (<i>Mutual Termination</i>)	Pembangunan di kawasan ini telah ditangguhkan oleh Kerajaan Negeri. Oleh itu, kerja-kerja telah ditamatkan sebelum dapat dilaksanakan sepenuhnya.	11/8/2021	12/7/2023	51,141,863.00
2	<u>2021</u> Cadangan Kerja Menambun Tanah dan Rawatan Tanah serta Lain-Lain Kerja yang Bersangkutan Dengannya Di Plot Bandar Cassia Industrial Park (BCTP), Bandar Cassia Batu Kawan, Mukim 13, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang (BCTP).	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	Penamatan Bersama (<i>Mutual Termination</i>)	PDCN tidak dapat menampung kos operasi kerana kenaikan harga membekal tanah merah yang melambung tinggi berbanding harga yang telah dipersetujui semasa tawaran diterima. Oleh itu pihak PDCN telah memohon untuk ditamatkan secara penamatan bersama (<i>mutual termination</i>)	6/16/2022	1/15/2024	61,600,000.00
3	<u>2022</u> Cadangan Kerja Tanah serta Kerja yang Bersangkutan Dengannya di atas Sebahagian Lot 449, 450, 1564, 1565, 1566, 1572, 1573, 1576 dan Lot-Lot 168, 169, 170, 171, 437, 439, 440, 441, 443, 803, 1401, 1557, 1558, 1559, 1560, 1561, 1562, 1563, 1574, 1816, 1817, 1818, 1819, 1820, 1821, 7574, Mukim 12, bersebelahan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. (<i>Earthwork Airport</i>).	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	Penamatan Bersama (<i>Mutual Termination</i>)	PDCN menerima notis memberhentikan kerja di tapak bina berikutan PDC menerima notis pemberhentian kerja dari pihak MBPP.	12/19/2022	6/18/2023	16,559,000.00
4	<u>2022</u> Cadangan Kerja Tanah dan Rawatan Tanah serta Lain-Lain Kerja yang Bersangkutan Dengannya Untuk Cadangan Membina dan Menyiapkan Sebuah Pasar Awam 1 Tingkat (82 Unit), Sebuah Kompleks Makanan 1 Tingkat (32 Unit), Gerai Tertutup 1 Tingkat (20 Unit), Ruang Penjaja Terbuka 1 Tingkat (78 Petak), Bilik Serba guna 1 Tingkat (2 Unit), Surau 1 Tingkat, Tandas Awam 1 Tingkat 2 Unit, Depo Sampah dan Kitar Semula 1 Tingkat 1 Unit Pencawang TNB 1 Tingkat, 1 Unit Kolam Takungan Air Hujan di atas sebahagian Lot 282, (Lot Lama 274), Zon 1, Bandar Cassia, Mukim 13, Batu Kawan, Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang (Kerja Tanah Pasar Awam).	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	Siap	Kerja-kerja telah disiapkan di tapak.	11/7/2022	1/6/2024	8,350,000.00
JUMLAH							137,650,863.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

11. Taman Botani.
- (a) Kos penyelenggaraan di Taman Botani adalah tinggi kerana pokok yang bernilai dan keluasan kawasan. Adakah Kerajaan Negeri bercadang mengenakan pembayaran kepada pengunjung dengan kadar minimum?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri akan mengadakan projek landskap di Taman Botani seiring dengan projek kereta kabel?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. (a) Pada tahun 2024, Jabatan Taman Botani Pulau Pinang telah diberikan peruntukan pembangunan sebanyak RM2.0 juta oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk program pendidikan dan konservasi alam sekitar serta naik taraf, baik pulih dan penyelenggaraan kemudahan awam. Walau bagaimanapun, peruntukan untuk Taman Botani Pulau Pinang terhad berbanding dengan keperluan sebenar. Setakat ini, jabatan dan agensi yang berkaitan telah membincangkan cadangan untuk mengenakan bayaran masuk kepada pengunjung taman. Walau bagaimanapun, untuk mengetahui kesan daripada cadangan ini, perbincangan dan penyelidikan lanjut perlu dijalankan bersama pihak berkepentingan. Manakala, untuk mengenal pasti kadar bayaran masuk yang akan dikenakan berpatutan, perbandingan kaedah operasi taman botani lain di Malaysia juga perlu dilaksanakan.

- (b) Pelaksanaan projek lanskap yang berdekatan dengan Projek Kereta Kabel Bukit Bendera sememangnya berada dalam perancangan Jabatan Taman Botani Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, kos pembangunan yang terhad telah menjadi kekangan kepada jabatan disebabkan tempoh masa yang lama diperlukan untuk pelaksanaan projek tersebut kerana perlu dibuat secara berfasa.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

12. Lampu Isyarat Pintar.
- (a) Berikan dengan terperinci maklumat syarikat yang sedang menguruskan *Smart Traffic Light System* bagi pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta isi kandungan tender.
 - (b) Setelah penggunaan sistem ini, apakah kesan terhadap kesesakan lalu lintas?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. (a) Tyco Fire, Security & Services Malaysia Sdn. Bhd. adalah syarikat yang sedang menguruskan projek *Smart Traffic Light* bagi pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Syarikat ini mempunyai kepakaran dalam sistem lampu isyarat serta mempunyai pengalaman kerja dengan MBPP dalam projek penyelenggaraan sistem lampu isyarat sejak tahun 2000 dan menunjukkan prestasi kerja yang baik. Kandungan tender *Smart Traffic Light* adalah menaik taraf sistem lampu isyarat di 33 buah persimpangan di kawasan Tanjung Tokong, Tanjung Bungah dan Bayan Baru. Antara skop kerja yang terlibat adalah menukar ganti pengawal lampu isyarat (traffic light controller), memasang Kamera Litar Tertutup (CCTV) dengan program analitik video iaitu pengesanan plat nombor kenderaan (number plate recognition), memasang *server* dengan program sistem lampu isyarat iaitu *Sydney Coordinated Adaptive Traffic System (SCATS)*, mewujudkan satu *dashboard platform* untuk

memudahkan pemantauan keadaan lalu lintas dan sebagainya.

- (b) Sistem ini boleh membuat analisis data trafik dan menyelaraskan tempoh kitaran (cycle time) lampu isyarat dari semasa ke semasa. Dengan ini, tempoh menunggu bagi kenderaan di persimpangan lampu isyarat akan disingkatkan dan seterusnya dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan berkenaan. Selain itu, program analitik video melalui CCTV boleh mengesan plat nombor kenderaan dan dapat membantu MBPP memperolehi data seperti tempoh perjalanan dan kelajuan purata kenderaan dari satu persimpangan ke satu persimpangan lain. Semua peralatan dan sistem yang terlibat telah siap dipasang dan sedang dalam proses pengumpulan serta analisis data trafik terkini. Sistem ini dijangka akan beroperasi di tapak mulai 25 November 2024 dan sistem lampu ini diyakini boleh menambah baik aliran lalu lintas di kawasan-kawasan yang terlibat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

13. Direktori Pegawai Seranta ADUN dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk memasukkan maklumat Pegawai Seranta ADUN dan juga Pengerusi MPKK ke dalam Laman Sesawang Direktori Kerajaan Negeri bagi memudahkan rakyat akses dan juga mempraktikkan amalan ketelusan?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Setakat ini Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk memasukkan maklumat Pegawai Seranta ADUN dan Pengerusi MPKK dalam iDirektori Pulau Pinang. Hal ini kerana maklumat tersebut boleh diperolehi melalui Pusat Khidmat ADUN yang boleh dicapai menerusi iDirektori Pulau Pinang.

Untuk makluman, iDirektori Pulau Pinang kini berada di dalam fasa penambahbaikan dimana pihak Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bersama Bahagian Teknologi Maklumat Negeri (BTMKN) merancang untuk menambah baik paparan layar muka (interface) baharu, di samping memperbaiki sistem pengatur cara bagi pangkalan data (database) bagi sistem iDirektori ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

14. InvestPenang (IP).

- (a) Nyatakan perbelanjaan agensi IP dalam tempoh tahun 2013 hingga 2024 dengan terperinci.
- (b) Nyatakan kejayaan IP dalam tempoh tahun 2013 hingga 2024 dengan terperinci.
- (c) Siapakah yang akan bertanggungjawab untuk mengawal selia IP?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

14. (a) Butiran perbelanjaan agensi Invest Penang (IP) dalam tempoh tahun 2013 hingga 2024 adalah seperti yang berikut:

Tahun	Perbelanjaan IP (RM juta)
2013	2.55
2014	3.30
2015	3.23
2016	3.23
2017	3.15
2018	3.63
2019	3.95
2020	2.72
2021	3.34
2022	3.31
2023	3.89
2024 (sehingga bulan September)	2.17

Nota: Perbelanjaan Tahun 2020 berkurangan berikutan pandemik COVID-19

- (b) IP berperanan penting dalam memperkukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan terkemuka. Sepanjang tempoh dari tahun 2013 hingga 2024, jumlah pelaburan dalam sektor pembuatan yang berjaya direkodkan adalah seperti yang berikut:

Tahun	Jumlah (RM bilion)
2013	3.9
2014	8.2
2015	6.7
2016	4.3
2017	10.8
2018	5.8
2019	16.9
2020	14.1
2021	76.2
2022	13.7
2023	63.4
2024 (Jan - Jun)	5.0
Jumlah	229.0

Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

- (c) IP merupakan agensi promosi pelaburan di bawah seliaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bertanggungjawab dalam usaha menarik pelaburan ke negeri ini. IP ditadbir oleh Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang. Lembaga Pengarah ini memainkan peranan penting dalam memberikan panduan, menyelia, dan menetapkan arah pelan strategik IP, termasuk menetapkan serta memantau pencapaian petunjuk prestasi utama (KPI) agensi ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

15. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Negeri.
- (a) Senaraikan semua GLC yang terdapat di Pulau Pinang.
 - (b) Senaraikan dengan terperinci perbelanjaan GLC tersebut bagi tempoh tahun 2013 hingga 2024.
 - (c) Senaraikan kejayaan GLC ini bagi tempoh tahun 2013 hingga 2024.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

15. (a) Terdapat 16 buah Syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan sebuah di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Senarai terperinci perbelanjaan bagi 17 GLC di bawah CMI dan satu (1) di bawah SSI adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
- (c) Kejayaan yang dicapai oleh 17 GLC di bawah CMI dan satu (1) di bawah SSI adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

LAMPIRAN A**SENARAI SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN NEGERI (GLC) DI BAWAH
PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG (CMI) DAN PERBADANAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI (SSI)**

No.	Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC)
CMI	
1.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.
2.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)
3.	Penang Science Cluster
4.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)
5.	George Town World Heritage Incorporated
6.	Penang Tech Centre
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.
8.	Penang FC Sdn. Bhd.
9.	Digital Penang Sdn. Bhd.
10.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.
12.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)
13.	Penang STEM Sdn. Bhd.
14.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)
15.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCCDC)
16.	Penang Agrotech Sdn. Bhd. (baru ditubuhkan pada 15 Oktober 2024)
SSI	
1.	Invest-in-Penang Berhad

1. Penang Halal International Sdn. Bhd.

LAMPIRAN B

Perbelanjaan	Tahun					
	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)
1. Emolumen	513,748.00	443,928.00	516,779.00	506,593.00	489,655.00	499,193.00
2. Kos pentadbiran/operasi/ pengurusan	564,683.00	1,200,175.00	209,664.00	250,150.00	232,435.00	848,430.00
3. Kos program/aktiviti	362,453.00	168,300.00	402,213.00	292,735.00	196,531.00	173,255.00
4. Lain-lain kos	-	-	-	-	-	-
Jumlah	1,440,884.00	1,812,403.00	1,128,656.00	1,049,478.00	918,621.00	1,520,878.00

Perbelanjaan	Tahun					
	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September) (RM)
1. Emolumen	493,516.00	622,024.00	595,264.00	687,406.00	837,522.00	503,381.00
2. Kos pentadbiran/operasi/ pengurusan	200,475.00	199,360.00	197,855.00	246,705.00	189,512.00	163,269.00
3. Kos program/aktiviti	220,776.00	27,468.00	18,558.00	1,075,949.00	573,963.00	250,644.00
4. Lain-lain kos	-	-	-	-	-	-
Jumlah	914,767.00	848,852.00	811,677.00	2,010,060.00	1,600,997.00	917,294.00

2. Penang Women's Development Corporation Sdn. Bhd. (PWDC)

Perbelanjaan	Tahun					
	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)
1. Emolumen	854,436.00	1,121,277.00	1,199,733.00	1,019,294.00	1,043,468.00	1,108,369.00
2. Kos pentadbiran/operasi/ pengurusan	230,144.00	358,263.00	282,127.00	349,280.00	252,645.00	223,509.00
3. Kos program/aktiviti	378,774.00	469,376.00	348,838.00	270,554.00	302,663.00	536,119.00
4. Lain-lain kos	-	-	-	-	-	-
Jumlah	1,463,354.00	1,948,916.00	1,830,698.00	1,639,128.00	1,598,776.00	1,867,997.00

Perbelanjaan	Tahun					
	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September) (RM)
1. Emolumen	1,210,572.00	1,309,701.00	1,334,908.00	1,490,627.00	1,632,709.00	1,090,222.00
2. Kos pentadbiran/operasi/ pengurusan	306,112.00	237,288.00	243,485.00	426,236.00	310,857.00	297,178.00
3. Kos program/aktiviti	471,575.00	338,318.00	490,986.00	976,239.00	1,312,734.00	151,809.00
4. Lain-lain kos	-	-	-	-	-	-
Jumlah	1,988,259.00	1,885,307.00	2,069,379.00	2,893,102.00	3,256,300.00	1,539,209.00

3. Penang Global Tourism Sdn. Bhd. (PGT)

Perbelanjaan	Tahun					
	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)
1. Emolumen	1,016,061.00	1,283,155.00	1,285,688.00	1,308,150.00	1,434,751.00	1,392,166.00
2. Kos pentadbiran/ operasi/pengurusan	295,993.00	297,389.00	454,789.00	379,987.00	404,233.00	329,112.00
3. Kos program/aktiviti	5,748,311.00	4,711,092.00	8,055,757.00	*7,657,781.00	*12,556,285.00	12,128,798.00
4. Lain-lain kos	103,767.00	104,890.00	95,980.00	42,895.00	36,581.00	31,984.00
Jumlah	7,164,132.00	6,396,526.00	9,892,214.00	9,388,813.00	14,431,850.00	13,882,060.00

Perbelanjaan	Tahun					
	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September) (RM)
1. Emolumen	1,432,523.00	1,369,786.00	1,243,057.00	1,459,991.00	1,331,766.00	1,128,254.00
2. Kos pentadbiran/ operasi/pengurusan	329,678.00	*254,384.00	376,212.00	313,608.00	598,476.00	525,937.00
3. Kos program/aktiviti	15,223,031.00	7,548,097.00	4,532,106.00	7,736,903.00	9,194,109.00	2,219,992.00
4. Lain-lain kos	66,752.00	56,774.00	56,730.00	51,760.00	54,761.00	-
Jumlah	17,051,984.00	9,229,041.00.	6,208,105.00	9,562,262.00	11,179,112.00	3,874,183.00

4. George Town World Heritage Incorporated (GTWHI)

Perbelanjaan	Tahun					
	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)
1. Emolumen	1,093,735.00	1,103,306.00	1,280,366.00	1,595,861.00	1,879,786.00	2,113,926.00
2. Kos pentadbiran/ operasi/pengurusan	422,535.00	337,489.00	317,882.00	345,427.00	703,446.00	600,076.00
3. Kos program/aktiviti	3,992,894.00	4,699,642.00	4,086,367.00	5,862,596.00	6,238,017.00	6,243,015.00
4. Lain-lain kos	106,634.00	90,573.00	140,703.00	83,965.00	84,479.00	109,445.00
Jumlah	5,615,798.00	6,231,010.00	5,825,318.00	7,887,849.00	8,905,728.00	9,066,462.00

Perbelanjaan	Tahun					
	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September (RM)
1. Emolumen	2,180,998.00	2,139,832.00	2,173,301.00	2,140,926.00	1,958,268.00	1,550,987.34
2. Kos pentadbiran/ operasi/pengurusan	499,079.00	373,415.00	336,554.00	720,882.00	668,031.00	444,598.75
3. Kos program/aktiviti	4,595,983.00	1,319,741.00	2,762,726.00	3,191,140.00	2,248,851.00	2,777,581.38
4. Lain-lain kos	162,099.00	158,137.00	82,521.00	81,450.00	90,774.00	19,574.31
Jumlah	7,438,159.00	3,991,125.00	5,355,102.00	6,134,398.00	4,965,924.00	4,792,741.78

5. Invest-In Penang Berhad

Perbelanjaan	Tahun					
	2013 (RM)	2014 (RM)	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)
1. Emolumen/ Kos pentadbiran/operasi/ pengurusan	1,850,000.00	2,260,000.00	2,310,000.00	2,330,000.00	2,500,000.00	3,030,000.00
2. Kos program/aktiviti/ Lain-lain kos	7,000,000.00	1,040,000.00	920,000.00	900,000.00	650,000.00	600,000.00
Jumlah	8,850,000.00	3,300,000.00	3,230,000.00	3,230,000.00	3,150,000.00	3,630,000.00

Perbelanjaan	Tahun					
	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September) (RM)
1. Emolumen/ Kos pentadbiran/operasi/ pengurusan	3,300,000.00	2,660,000.00	3,260,000.00	3,140,000.00	3,460,000.00	1,960,000.00
2. Kos program/aktiviti/ Lain-lain kos	650,000.00	60,000.00	80,000.00	160,000.00	430,000.00	210,000.00
Jumlah	3,950,000.00	2,720,000.00	3,340,000.00	3,300,000.00	3,890,000.00	2,170,000.00

6. Penang Convention & Exhibition Bureau Sdn. Bhd. (PICEB)

Perbelanjaan	Tahun				
	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)
1. Emolumen	-	605,689.00	728,565.00	874,953.00	1,054,444.00
2. Kos pentadbiran/ operasi/ pengurusan	4,181.00	191,429.00	277,227.00	311,615.00	336,423.00
3. Kos program/aktiviti	-	313,047.00	1,193,098.00	2,711,250.00	4,744,389.00
4. Lain-lain kos	-	-	26,937.00	419,517.00	546,279.00
Jumlah	4,181.00	1,110,165.00	2,225,827.00	4,317,335.00	6,681,535.00

Perbelanjaan	Tahun				
	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September) (RM)
1. Emolumen	1,091,049.00	1,128,063.00	1,412,785.00	1,519,843.00	854,925.00
2. Kos pentadbiran/ operasi/ pengurusan	320,948.00	259,187.00	380,924.00	365,696.00	232,545.00
3. Kos program/aktiviti	2,018,510.00	1,389,970.00	3,589,452.00	4,471,153.00	4,153,558.00
4. Lain-lain kos	202,910.00	284,368.00	580,064.00	926,119.00	100,341.00
Jumlah	3,633,417.00	3,061,588.00	5,963,225.00	7,282,811.00	5,341,369.00

7. Penang Tech Centre

Perbelanjaan	Tahun			
	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)
1. Emolumen	9,915.68	11,048.48	1,527,165.07	1,370,467.05
2. Kos pentadbiran/ operasi/ pengurusan	729,543.04	198,885.12	827,578.36	685,221.87
3. Kos program/aktiviti	329,519.50	512,383.08	1,027,244.99	143,695.47
4. Lain-lain kos (sila senaraikan)	142,502.24	361,577.88	788,566.14	223,350.25
Jumlah	1,211,480.46	1,083,894.56	4,170,554.56	2,422,734.64

Perbelanjaan	Tahun			
	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September) (RM)
1. Emolumen	996,164.80	1,256,100.51	1,586,542.85	1,305,831.87
2. Kos pentadbiran/ operasi/ pengurusan	601,576.82	749,040.42	800,481.64	630,991.51
3. Kos program/aktiviti	158,799.95	634,428.01	1,399,277.64	648,222.53
4. Lain-lain kos	125,743.97	368,121.05	239,762.10	187,056.23
Jumlah	1,882,285.54	3,007,689.99	4,026,064.23	2,772,102.14

8. Penang STEM Sdn. Bhd.

Perbelanjaan	Tahun			
	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)
1. Emolumen	89,078.00	208,157.00	277,887.00	409,290.00
2. Kos pentadbiran/operasi/Pengurusan	43,420.00	120,924.00	150,587.00	63,337.00
3. Kos program/aktiviti	2,299.00	55,861.00	75,927.00	60,600.00
4. Lain-lain kos	12,268.00	11,978.00	16,121.00	14,345.00
Jumlah	147,065.00	396,920.00	520,522.00	547,572.00

Perbelanjaan	Tahun			
	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September) (RM)
1. Emolumen	468,527.00	506,105.00	596,487.00	449,849.00
2. Kos pentadbiran/operasi/pengurusan	48,818.00	55,307.24	66,060.00	40,351.00
3. Kos program/aktiviti	61,362.00	32,425.00	37,866.00	65,700.00
4. Lain-lain kos	11,725.00	11,353.00	12,396.00	10,230.00
Jumlah	590,432.00	605,190.24	712,809.00	566,130.00

9. Penang Green Council Strategies Sdn. Bhd. (PGC)

Perbelanjaan	Tahun			
	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
1. Emolumen	640,810.00	650,130.00	670,890.00	654,840.00
2. Kos pentadbiran/ operasi/pengurusan	245,000.00	256,000.00	243,000.00	245,700.00
3. Kos program/aktiviti	946,851.00	121,562.00	817,701.00	867,366.00
4. Lain-lain kos	-	-	-	-
Jumlah	1,832,661.00	1,027,692.00	1,731,591.00	1,767,906.00

Perbelanjaan	Tahun		
	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September) (RM)
1. Emolumen	657,262.00	712,450.00	536,593.00
2. Kos pentadbiran/ operasi/pengurusan	289,780.00	304,000.00	185,058.00
3. Kos program/aktiviti	902,885.00	1,081,858.00	642,598.00
4. Lain-lain kos	-	-	-
Jumlah	1,849,927.00	2,098,308.00	1,364,249.00

10. Penang Science Cluster

Perbelanjaan	Tahun			
	2018 (RM)	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)
1. Emolumen	626,170.00	815,941.00	811,657.00	912,770.00
2. Kos pentadbiran/ operasi/ pengurusan	688,013.00	451,416.00	336,306.00	344,871.00
3. Kos program/ aktiviti	1,366,460.00	1,558,795.00	5,767,857.00	2,416,156.00
4. Lain-lain kos	-	-	-	-
Jumlah	2,680,643.00	2,826,152.00	6,915,820.00	3,673,797.00

Perbelanjaan	Tahun		
	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September) (RM)
1. Emolumen	1,217,317.00	1,668,815.00	1,138,899.00
2. Kos pentadbiran/ operasi/pengurusan	366,660.00	308,558.00	180,594.00
3. Kos program/aktiviti	2,055,520.00	4,175,677.00	2,031,803.00
4. Lain-lain kos	-	-	-
Jumlah	3,639,497.00	6,153,050.00	3,351,296.00

11. Penang Youth Development Corporation Strategies Sdn. Bhd. (PYDC)

Perbelanjaan	Tahun					
	2019 (RM)	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September 2024) (RM)
1. Emolumen	203,130.00	250,221.00	506,700.00	951,291.00	2,787,458.00	674,568.00
2. Kos pentadbiran/ operasi/ pengurusan	168,457.00	203,015.00	359,712.00	1,111,455.00	-	159,026.00
3. Kos program/aktiviti	417,240.00	370,119.00	534,817.00	-	-	605,687.00
4. Lain-lain kos	-	-	-	-	-	-
Jumlah	788,827.00	823,355.00	1,401,229.00	2,062,746.00	2,787,458.00	1,439,281.00

12. Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC)

Perbelanjaan	Tahun				
	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September) (RM)
1. Emolumen	266,153.49	1,019,939.23	1,282,912.55	1,848,041.58	1,652,501.22
2. Kos pentadbiran/ operasi/ pengurusan	2,137.38	247,321.95	51,255.08	204,810.46	1,276,693.12
3. Kos program/aktiviti	-	1,575.00	1,029,620.75	1,150,109.47	667,244.52
4. Lain-lain kos	-	29.00	22.50	6,007.00	1,521.50
Jumlah	268,290.87	1,268,865.18	2,363,810.88	3,208,968.51	3,597,960.36

13. Digital Penang Sdn. Bhd.

Perbelanjaan	Tahun				
	2020 (RM)	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September) (RM)
1. Emolumen	552,571.00	1,597,073.00	1,692,377.00	1,966,888.00	1,826,846.00
2. Kos pentadbiran/operasi/ pengurusan	116,026.00	217,794.00	388,065.00	664,741.00	300,877.00
3. Kos program/aktiviti	92,600.00	673,458.00	784,946.00	1,728,679.00	1,810,365.00
4. Lain-lain kos	13,058.00	46,884.00	57,773.00	183,252.00	67,770.00
Jumlah	774,255.00	2,535,209.00	2,923,161.00	4,543,560.00	4,005,858.00

14. Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO) (Ditubuhkan pada 2021)

Perbelanjaan	Tahun			
	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September) (RM)
1. Emolumen	109,821.00	347,692.00	538,078.00	420,433.00
2. Kos pentadbiran/operasi/ Pengurusan	103,531.00	259,300.00	304,925.00	239,447.93
3. Kos program/aktiviti	125,645.00	607,803.00	405,840.00	140,963.00
4. Lain-lain kos	4,412.00	13,990.00	22,170.00	-
Jumlah	343,409.00	1,228,785.00	1,271,013.00	800,843.93

15. Penang FC Sdn. Bhd. (ditubuhkan pada 2021)

Perbelanjaan	Tahun			
	2021 (RM)	2022 (RM)	2023 (RM)	2024 (sehingga September) (RM)
1. Emolumen				
2. Kos pentadbiran/operasi/pengurusan	8,907,412.26	11,654,642.61	11,753,636.38	5,998,248.33
3. Kos program/aktiviti	1,230,386.88	1,689,618.79	1,315,763.84	638,662.57
4. Lain-lain kos	1,815,849.01	1,622,177.42	2,167,968.84	1,076,593.58
	219,984.85	217,528.18	223,022.94	73,005.43
Jumlah	12,173,633.00	15,183,967.00	15,460,392.00	7,786,509.91

16. George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCCD)

Perbelanjaan	Tahun
	2024 (sehingga September) (RM)
1. Emolumen	-
2. Kos pentadbiran/operasi/pengurusan	20,512.05
3. Kos program/aktiviti	4,000.00
4. Lain-lain kos	-
Jumlah	24,512.05

17. Penang Agrotech Sdn. Bhd.

Baru ditubuhkan pada 15 Oktober 2024 dan tidak terdapat sebarang perbelanjaan sehingga kini.

KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH GLC DI BAWAH CMI DAN SSI BAGI TEMPOH 2013 HINGGA 2024

PENANG FC SDN. BHD.

1. Penang FC berjaya menempah slot bagi saingan Liga Super Musim 2021.
2. Merangkul tempat ke-3 dalam saingan Liga Super Musim 2021 di bawah kendalian jurulatih Tomas Trucha.
3. Casagrande berjaya menjaringkan 7 gol (Top 5) dalam saingan Liga Super Musim 2021.
4. Selepas penantian 20 tahun, pasukan Penang FC telah berjaya menjejakkan kaki ke separuh akhir dalam saingan Piala Malaysia Musim 2022 berjaya tewaskan Sri Pahang dengan jaringan 5-2.
5. Hilal El-Helwe berjaya menjaringkan 4 gol (Top 3) dalam saingan Liga Malaysia 2022.
6. Penang FC merangkul gelaran juara pada 2022 dalam kejohanan 3 penjuru Piala TYT (Tuan Yang Terutama) menewaskan pasukan New Road Team (Nepal) dengan jaringan 5-0.
7. Skuad Penang FC U-23 dibawah kendalian jurulatih Akmal Rizal berjaya merangkul pingat perak dalam acara bola sepak temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2022.
8. Penang FC merangkul gelaran juara pada tahun 2023 dalam Piala Harapan 2023 menewaskan pasukan Selangor FC dengan jaringan 2-1.
9. Sonny Saad berjaya merangkul sebagai penjaring terbanyak dalam Piala Harapan 2023 dengan 3 gol sepanjang kejohanan berlangsung.

GEORGE TOWN WORLD HERITAGE INCORPORATED (GTWHI)

1. Penganjuran George Town Heritage Celebrations.
2. Penganjuran George Town Festival.
3. Penganjuran Bengkel “Enhancing Institutional Capacity In Reducing Disaster Risks Of Heritage Cities In Southeast Asia And Small Island Developing States In The Pacific” pada 5 dan 6 April 2017 dengan kerjasama UNESCO Jakarta, UNESCO Apia, dan ICCROM.
4. Projek UNESCO Pengurangan Risiko Bencana Fasa 2 yang dibiayai oleh UNESCO Jakarta dan Suruhanjaya Kebangsaan Malaysia pada 5 and 6 April 2017. Projek ini memberi sokongan teknikal kepada Island of Mozambique dan menyediakan platform untuk Mozambique, Fiji, Samoa, Indonesia dan Malaysia untuk bertukar pengalaman mengenai pengurusan risiko bencana masing-masing.
5. Penganjuran pameran bertajuk George Town: Cantik dan Berubah Tukar bermula 11 Jun hingga 27 Julai 2018 sempena Ulang Tahun Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town ke-10.
6. George Town telah dipilih oleh UNESCO sebagai satu-satunya bandar di Rantau Asia Pasifik untuk melaksanakan projek perintis “Community-Based Intangible Cultural Heritage Inventorying in George Town”.
7. Anugerah Amalan Teladan Terbaik dalam Pengurusan Risiko Bencana Warisan Budaya daripada Institut Pengurangan Risiko Bencana bagi Bandar Warisan Budaya, Universiti Ritsumeikan, Kyoto, Jepun (R-DMUCH), dan Pusat Penyelidikan Antarabangsa bagi Pemeliharaan dan Pemulihan Harta Kebudayaan (ICCROM).
8. Penyempurnaan projek George Town Heritage Habitat Seed Fund tahun 2020 hingga 2024.
9. Sia Boey sebagai Taman Hijau Arkeologi Bandar yang pertama di Malaysia. Projek ini juga telah memenangi Honorary Mention dibawah The Edge Malaysia-PAM Green Excellence Award 2020, dan MIP Planning Excellence Awards 2022.
10. Projek Normal Baharu Di George Town. Pihak GTWHI telah menggunakan sistem pangkalan data dalam talian untuk merekodkan informasi pemohon dan bangunan warisan yang terlibat dalam projek ini.

11. Mendapatkan peruntukan RM25 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk Program Inisiatif Pemuliharaan dan Pemeliharaan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Sebanyak 10 komponen projek iaitu Pembaikan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan Kategori I dan Kategori II, Laluan Kaki-Lima untuk Semua, Lukisan Terukur bagi Bangunan Kategori I, Laporan Kajian Dilipidasi dan Pernyataan Tatacara Kerja, Penaiktarafan Sistem Pencarian Jalan, Projek Pengurangan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti terhadap Warisan Budaya, Projek Pembinaan Kapasiti Warisan Budaya Tidak Ketara Berasaskan Komuniti, Aktiviti Warisan Kebudayaan dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan George Town Heritage Research, Education and Learning International Centre (RELIC).
12. Pemasangan 10-unit defibrilator luaran automatik (AED) di bangunan warisan Kategori 1 di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

PENANG SCIENCE CLUSTER

1. 70,000 pelajar setahun di Pulau Pinang menyertai program Penang Science Cluster, dari bengkel 2 jam hingga ke program mentorship selama 10 bulan.
2. Lebih daripada setengah juta pelajar dari semua sekolah di Pulau Pinang telah menyertai program-program Penang Science Cluster.
3. 80% program yang dijalankan oleh Penang Science Cluster ditaja oleh pihak industri dan yayasan.
4. Menyediakan latihan kepada guru-guru dalam pelbagai subjek dan bidang teknologi di semua sekolah di Pulau Pinang.
5. Menubuhkan MakerLab kepada 129 sekolah di Pulau Pinang.
6. Program-program Penang Science Cluster dijalankan di 10 negeri di Malaysia, termasuk program seperti Experience AI.

PENANG TECH CENTRE

1. Membantu Kementerian Sains, Teknologi & Inovatif untuk menjalankan Minggu Sains Negara di Pulau Pinang.
2. Penceramah jemputan untuk International Symposium on the Development of Natural Science Museums under the Belt and Road Initiative 2023.
3. Menubuhkan Konsortium Pendidikan AI yang pertama di Malaysia.
4. Dilantik sebagai Jawatankuasa Pemandu Rangkaian Kolaboratif Pusat Sains Malaysia (MYSAINS).
5. Dilantik sebagai Jawatankuasa Teknikal Pendidikan dan Pembudayaan - Jawatankuasa Angkasa Kebangsaan (JANGKA), Kementerian Sains, Teknologi & Inovatif.

PICEB SDN. BHD.

1. Anugerah Sticky Award for the Stickiest Social Media Sharing – IT&CM Asia and CTW Asia-Pacific.
2. Anugerah Special Award - Destination Marketing Organisation Award for Excellence.
3. Anugerah The International Excellence Awards 2018: The Literary Festival Award.
4. Anugerah Business Events Excellence Awards, Recognition of Business Events Industry Partner.
5. Anugerah MICE Business Awards - “Most Innovative Business Events.
6. Anugerah Tourism and Business Events industry at the Malaysia Tourism Council Gold Awards.
7. Best Convention & Exhibition Bureau.
8. Melancarkan edisi pertama “Next Normal Guidelines for Business Events”.
9. Asian Tourism & Hospitality Awards 2022- 2023 “Pioneering Business Events CEO of the Year 2022”.
10. The BrandLaureate Awards Brand Leadership Award for Leadership Excellence in the MICE and Hospitality Industries Nation Branding Award for M.I.C.E (Meeting, Incentive, Conference, Exhibition) in the category of The BrandLaureate Fast Moving Growing Sustainable Business & Brands Award 2024.
11. Aktiviti pemasaran, promosi, sokongan acara dan kempen diperingkat antarabangsa, telah menunjukkan peningkatan jumlah acara perniagaan, peserta, bilik hotel dan EEL yang berlangsung di Pulau Pinang seperti berikut sebelum pandemik:

Bil	Perkara	Tahun 2017	Tahun 2019	Peratus
1	Jumlah acara perniagaan	2511	3762	Peningkatan 50%
2	Jumlah Peserta	267,518	339,730	Peningkatan 27%
3	Jumlah hotel bilik (bermalam)	457,806	1,075,161	Peningkatan 135%
4	Estimated Economic Impact (EEI)	1,002,825,000	1,503,499,000	Peningkatan 50%

Statistik selepas pandemik:

Bil	Perkara	Tahun 2020	Tahun 2023	Peningkatan
1	Jumlah acara perniagaan	156	604	Peningkatan 3 kali ganda
2	Jumlah Peserta	19,283	162,964	Peningkatan 7 kali ganda
3	Jumlah hotel bilik (bermalam)	48,963	539,113	Peningkatan 10 kali ganda
4	Estimated Economic Impact (EEI)	66,214,000	1,033,856,600	Peningkatan 14 kali ganda

PENANG GLOBAL TOURISM SDN. BHD.

1. George Town Literary Festival
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

26. Empangan Teluk Bahang dan Air Itam.

- (a) Mengikut rekod sehingga September tahun ini Pulau Pinang telah rekod 1,573 mm taburan hujan. Adakah taburan hujan ini tidak mencukupi untuk mengisi air di dua empangan ini ke tahap yang maksimum?
- (b) Selain hujan, apakah kaedah boleh diambil untuk isi air empangan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. (a) Taburan hujan yang dicatatkan adalah mencukupi untuk mengisi Empangan Air Itam yang berkapasiti efektif sebanyak 2,159 juta liter. Kapasiti efektif yang dicatatkan pada 1 November 2024 adalah pada tahap yang memuaskan, iaitu 90.6%. Namun bagi Empangan Teluk Bahang, ianya mempunyai kapasiti efektif maksimum 18,240 JL (kira-kira 8.4 x daripada 2,159 JL Empangan Air Itam) dan hanya mencatatkan kapasiti efektif sebanyak 45.2%. Pengisian empangan tersebut bergantung kepada hujan di Kawasan Tadahan Air (KTA) Teluk Bahang. Walaupun Empangan Teluk Bahang menyimpan lebih banyak air, ia juga memerlukan lebih banyak hujan untuk mengisi semula empangan ini.

- (b) Kerajaan Negeri juga telah mengambil tindakan melalui permohonan Operasi Pembenihan Awan di kawasan tadahan empangan namun ianya tertakluk kepada kelulusan Agensi NADMA dengan merujuk kepada ketersediaan pesawat TUDM dan kesesuaian keadaan awan semasa pelaksanaan operasi tersebut. Selain itu, kaedah yang terbaik sekarang adalah melalui penjimatan penggunaan air oleh pengguna untuk mengurangkan penggunaan air daripada 307 LCD (tahun 2023) kepada purata kebangsaan 237 LCD (tahun 2022) kerana penduduk Negeri Pulau Pinang mencatatkan jumlah penggunaan air yang tinggi berbanding purata penggunaan air kebangsaan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

27. Menjamin sekuriti makanan di Pulau Pinang.

- (a) Nyatakan usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam memastikan jaminan sekuriti makanan dalam kalangan rakyat Pulau Pinang.
- (b) Kekurangan bekalan makanan menjadi isu sejak kebelakangan ini, apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. (a) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (DOA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang (JPV) dan Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang (DOF) sentiasa berusaha untuk memastikan keterjaminan makanan di Negeri Pulau Pinang.

Pembangunan kawasan pertanian berskala besar iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda, TKPM Mayfield, Taman Agroteknologi DOA-PERDA, Agropark Batu Kawan dan Permatang Pauh berperanan sebagai pusat latihan, penyelidikan, dan pengeluaran makanan. Projek ini dapat membantu para petani untuk meningkatkan kemahiran dan mengaplikasikan teknik-teknik pertanian moden yang lebih efisien dan lestari. TKPM dibangunkan di atas tanah milikan Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada tiga (3) TKPM iaitu TKPM Ara Kuda, TKPM Mayfield dan Taman AgroTeknologi

DOA-PERDA. Manakala Agropark Batu Kawan dan Agropark Permatang Pauh pula dibangunkan di atas tanah milikan Kerajaan Negeri. Maklumat terperinci adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Selain itu, DOA turut melaksanakan program-program berikut untuk keterjaminan makanan di Negeri Pulau Pinang:

- i. Penggalakan Pertanian Teknologi Tinggi: Bertujuan untuk meningkatkan hasil makanan tempatan dengan menggunakan teknologi tinggi seperti pertanian vertikal, hidroponik, dan akuaponik. Teknologi ini dapat meningkatkan pengeluaran makanan dalam ruang yang terhad, menjadikan pertanian lebih produktif dan kurang terdedah kepada perubahan cuaca.
- ii. Pelaksanaan Pertanian Bandar: Menggalakkan pertanian bandar (*urban farming*) melalui penubuhan taman komuniti dan pertanian di kawasan perumahan, sekolah dan institusi. Pendekatan ini bukan sahaja menyediakan sumber makanan yang berterusan dan menjimatkan perbelanjaan dapur tetapi juga mendidik masyarakat tentang kepentingan sekuriti makanan dipertingkatkan melalui asas penanaman sayur-sayuran.
- iii. Insentif kepada belia: Mengadakan program seperti pinjaman Tabung Usahawan Tani (TUT) dan latihan/kursus percuma melalui jabatan/agensi kerajaan untuk menarik minat generasi muda serta memastikan kesinambungan pengeluaran makanan dalam jangka panjang. Selain itu, peruntukan sebanyak RM1,119,990.00 bagi Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani turut disalurkan. Ia bertujuan untuk penambahbaikan premis sedia ada, reka bentuk pembungkusan dan pelabelan produk, peningkatan kapasiti pengeluaran (melalui perolehan mesin dan peralatan serta perolehan papan tanda), pembangunan aktiviti jualan terus (merangkumi aktiviti pembangunan produk), pembangunan

pusat pengumpulan produk usahawan serta promosi dan jualan di dalam negeri dan di luar negeri.

- iv. Kerjasama melalui *Blue Ocean Strategy*: Kerajaan Negeri aktif menjalin kerjasama dengan syarikat swasta, jabatan/agensi di luar bidang pertanian dan *non-government organization* (NGO) dalam pelbagai projek sekuriti makanan. Kerjasama seperti ini mampu melonjakkan kesedaran mengenai sekuriti makanan dalam kalangan masyarakat.

JPV juga sentiasa berusaha untuk memastikan keterjaminan makanan untuk rakyat di Negeri Pulau Pinang terutamanya bagi sektor penternakan sentiasa berada pada tahap yang optimum. Tindakan dan pelan yang telah dan akan diambil oleh pihak JPV adalah seperti berikut:

- i. Menyokong dasar dan sasaran pengukuhan pengeluaran daging lembu/kerbau serta kambing/bebiri melalui Pelan Strategik dan Tindakan Pembangunan Industri Pedaging Negara 2021-2025 dan pengeluaran susu segar melalui Pelan Strategik Pembangunan Industri Tenusu Negara 2021-2025. Kesemua pelan ini adalah bertujuan mencapai visi yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara, 2021-2030 (DAN 2.0) untuk membangunkan sektor agromakanan yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi dalam usaha memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti makanan dan nutrisi. Pihak JPV juga sedang dalam perancangan untuk merangka Pelan Tindakan Pembangunan Pedaging dan Tenusu dengan penumpuan kepada sektor ruminan dan Pelan Tindakan Pembangunan Industri Nilai Tinggi untuk pemerkasaan usahawan industri asas ternakan dan ternakan nilai tinggi seperti ternakan burung walet dan lain-lain haiwan ternakan.

Selain itu, bagi industri yang mandiri dan telah mencapai keperluan pengeluaran dalam negeri, maka Pelan Kelestarian Pembangunan diwujudkan iaitu Pelan Kelestarian Pembangunan Industri Ternakan Babi dan Pelan Kelestarian

Pembangunan Industri Unggas. Pelan ini menumpukan pembangunan industri yang mampan, mesra alam serta mengamalkan penternakan moden bagi mengekalkan dan meningkatkan pengeluaran. Pelan Pembangunan ini akan menjadi rujukan yang lebih jelas dalam memacu sektor penternakan negeri ke arah yang lebih baik dan mampan selari dengan pembangunan serta mampu menjamin keterjaminan dan keselamatan makanan di negeri ini selari dengan visi Penang2030.

- ii. Pelaksanaan program melalui peruntukan yang disalurkan di bawah Bajet Pembangunan Negeri membolehkan ladang ternakan dikekalkan serta dibangunkan. Pemberian bantuan infrastruktur ladang, peralatan, baka ternakan, khidmat sokongan dan pengukuhan industri penternakan akan terus dilaksanakan bagi mengekalkan ladang-ladang sedia ada di negeri ini serta meningkatkan kapasiti pengeluaran bagi ladang yang berpotensi untuk dimajukan.
- iii. Pendekatan Kerajaan Negeri melalui sesi libat urus antara Kerajaan Negeri, jabatan/agensi serta pemain industri yang terlibat dengan Pelan Tindakan Pemulihan Negeri Pulau Pinang (Sektor Makanan). Sesi libat urus ini dapat memahami isu dan cabaran di peringkat bawah agar pelaksanaan dasar di peringkat Kerajaan adalah selari serta memenuhi keperluan yang dikehendaki. Sesi *townhall* serta turun padang juga dilakukan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi bagi melihat sendiri keadaan dan realiti perkembangan di peringkat lapangan agar kerjasama serta tindakan yang lebih efisien dan selari dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan sektor penternakan negeri dapat diambil tindakan segera.
- iv. JPV turut menyokong agenda yang dilaksanakan dalam Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Pengeluaran Makanan (PeGUMN) bagi maksud mengekalkan kawasan-kawasan

pengeluaran makanan sedia ada dengan mewartakan tanah-tanah rizab pertanian serta kawasan pengeluaran makanan sedia ada di dalam negeri ini bagi menghalang kawasan ini dibangunkan dan menjamin keterjaminan makanan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut komited dalam usaha mendapatkan tanah-tanah yang bersesuaian untuk dijadikan *Penang Ruminant Feedlot* dan *Livestock Food Production* (PRUF) meliputi kawasan bagi tujuan pengeluaran ternakan serta pengeluaran makanan ternakan. Ketika ini, satu kawasan berkeluasan 20 ekar di UiTM Bertam sedang dimajukan bagi tujuan Projek Tanaman Makanan Ternakan (napier) yang dilaksanakan oleh DOA melalui peruntukan pembangunan JPV. Dengan adanya sumber makanan ternakan yang mencukupi dan berpatutan, ianya mampu mengurangkan kos pengeluaran ternakan dan memberi manfaat kepada pengguna untuk mendapatkan bekalan daging pada harga yang lebih murah.

Melalui program pelepasan benih ikan/udang di perairan umum yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang (DOF), stok sumber perikanan asli akan dapat diperkayakan. Program ini dijalankan sepanjang tahun di tiga (3) perairan sungai di Negeri Pulau Pinang iaitu Sungai Muda, Sungai Perai dan Sungai Kerian dengan kerjasama nelayan darat. Pada tahun 2024, Kerajaan Negeri telah menerima peruntukan sebanyak RM350,000.00 daripada program kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk program pelepasan benih udang galah, ikan lampam sungai dan ikan baung yang dijangka memberi manfaat kepada 324 orang nelayan darat berdaftar dengan jumlah keseluruhan 450 000 benih kesemuanya dengan menjadikan pelepasan benih yang paling tinggi setakat ini dalam sejarah. Manakala bagi program pelepasan benih ikan ke perairan laut, DOF telah melepaskan 1,600 ekor ikan siakap (saiz 6 inci), 1,600 ekor benih udang kaki merah dan 1,000 ekor ikan jenahak (saiz 3 inci) di perairan Pulau Aman bersempena program Kampung Angkat MADANI Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di Pulau Aman.

Bagi membantu penternak akuakultur, DOF memberi sokongan melalui Program Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) Akuakultur dan Biosekuriti yang bertujuan untuk memberi bantuan kepada para penternak untuk meningkatkan fasiliti mereka. Pada tahun 2024, SPeKS Akuakultur telah memperuntukkan sebanyak RM693,107.20 kepada 22 orang penerima dan SPeKS Biosekuriti berjumlah RM109,000.00 telah diberikan kepada dua (2) orang penerima untuk meningkatkan fasiliti mereka bagi tujuan pensijilan MyGAP. Melalui SPeKS Pengembangan Perikanan, bantuan seperti Geran Agropreneur Muda (GAM) yang menawarkan bantuan sebanyak RM30,000.00 bagi setiap permohonan dan MyAgropreneur Perikanan (MyAP) dengan nilai bantuan sebanyak RM34,000.00 telah diberikan pada tahun 2024.

Selain itu, terdapat bantuan Program Pembangunan Integrasi Akuakultur (PPIA) iaitu program yang diterajui oleh pihak swasta yang bertindak sebagai pemangkin dan penggalak melalui pembiayaan geran pepadanan kemudahan infrastruktur asas projek bagi memastikan pertumbuhan bidang akuakultur mencapai sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2024, sebanyak empat (4) orang penerima bantuan PPIA telah menerima bantuan sebanyak RM1,824,690.00.

Penternak yang terkesan dengan bencana alam sehingga menyebabkan kematian ikan ternakan serta kerosakan fasiliti juga turut dibantu. Pada tahun 2024, sebanyak RM2,458,000.00 telah diperuntukkan bagi membantu 51 orang penternak dengan pemberian input makanan ikan, peralatan serta benih ikan.

Selain itu, Projek Kebun Kerang Negeri Pulau Pinang juga dilaksanakan di mana projek ini mampu menghasilkan kerang berkualiti tinggi dengan pengeluaran sebanyak 374,369 kilogram dan hasil berjumlah RM3,799,209.00. Hasil kerjasama pihak DOF dengan Institut Penyelidikan Perikanan (IPP), seramai 141 peserta dengan jumlah 50 lot telah terlibat. Tambahan lagi, pihak DOF juga menawarkan latihan/kursus kepada golongan sasaran yang berminat untuk mempelajari cara-cara pembuatan 'fish cake', 'fish

ball', keropok lekor serta banyak lagi produk berasaskan perikanan. Kursus peningkatan kemahiran penyelenggaraan enjin sangkut juga turut diadakan di Pusat Pengembangan Teknologi Perikanan Gelugor (FiDTEC Gelugor). Pada tahun 2024, sebanyak lima (5) siri kursus enjin sangkut telah diadakan dan disertai oleh nelayan dan pengusaha bot.

Melalui inisiatif-inisiatif ini, Kerajaan Negeri komited dalam memastikan jaminan sekuriti makanan yang berterusan dan mencukupi, sekaligus mewujudkan sistem bekalan makanan yang lebih stabil dan lestari.

- (b) Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan terutamanya kebergantungan kepada sumber import, pemerksaan dan peningkatan pengeluaran perlu dipertingkatkan bagi menjamin keterjaminan makanan untuk rakyat di negeri ini. Usaha ke arah keterjaminan makanan bagi sektor ternakan adalah seperti yang telah dinyatakan di dalam Kadar Sara Diri (SSR) bagi komoditi ternakan utama di Malaysia dan Kadar Kecukupan Pengeluaran bagi Negeri Pulau Pinang 2020-2023 seperti di **LAMPIRAN B**.

Selain itu, Kadar Sara Hidup (SSR) bagi makanan laut di Malaysia pada tahun 2023 adalah sebanyak 90.70%. DOF sentiasa komited dalam memastikan keterjaminan makanan rakyat sentiasa dikekalkan pada tahap yang baik dengan meningkatkan perkhidmatan kepada golongan nelayan, penternak dan usahawan yang berasaskan produk hiliran perikanan.

LAMPIRAN A**TAMAN KEKAL PENGELUARAN MAKANAN (TKPM)**

Bil.	Jenis Projek	Bilangan Peserta	Keluasan (hektar)	Jenis Tanaman	Pengeluaran (tan metrik)	Hasil Pengeluaran (RM)
1.	TKPM Ara Kuda	33	80	Sayuran	2,732.00	4,500,613.59
2.	TKPM Mayfield	30	60	Sayuran	913.67	1,539,724.00
3.	Taman Agroteknologi DOA-PERDA	25	33.45	Sayuran/ Fertigasi	650,603.00	2,354,103.90
JUMLAH		88	173.45		654,248.67	8,394,441.49

AGROPARK

Bil.	Jenis Projek	Bilangan Peserta	Keluasan (hektar)	Jenis Tanaman	Pengeluaran (tan metrik)	Hasil Pengeluaran (RM)
1.	Agropark Permatang Pauh	7	9.06	Sayuran	86.13	767,387.30
2.	Agropark Batu Kawan	9	115.2	Nanas dan Ternakan	191.62	884,613.60
JUMLAH		16	124.26		277.75	1,652,000.90

PENGELUARAN KOMODITI TERNAKAN UTAMA NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2020-2023

Komoditi	Perkara	2020	2021	2022	2023
Daging Ayam / Itik	SSR Malaysia (%) Daging Ayam	101.7	99.9	93.3	N/A
	SSR Malaysia (%) Daging Itik	125.2	130.6	130.8	N/A
	Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (MT)	79,755.13	76,553.94	93,921.02	92,965.43
	Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi
Telur Ayam Itik	SSR Malaysia (%)	114.1	114.4	109.0	N/A
	Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (Biji)	189,549,000	193,983,700	235,697,650	299,599,860
	Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi
Daging Babi	SSR Malaysia (%)	94.9	93.4	84.6	N/A
	Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (MT)	32,155.22	29,063.52	25,144.08	17,677.26
	Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi	Mencukupi
Daging Lembu / Kerbau	SSR Malaysia (%)	21.3	18.9	14.7	N/A
	Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (MT)	4,600.32	2,414.93	2,696.38	2,594.04
	Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi
Daging Kambing / Bebiri	SSR Malaysia (%)	9.4	10.7	8.7	N/A
	Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (MT)	209.39	88.33	150.24	145.57
	Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi
Susu Segar	SSR Malaysia (%)	64.2	56.7	57.3	N/A
	Pengeluaran Negeri Pulau Pinang (Liter)	996,795	941,430	954,190	733,920
	Status Pengeluaran di Peringkat Negeri Pulau Pinang	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi	Tidak Mencukupi

*Tiada SSR di peringkat Negeri Pulau Pinang dan merujuk kepada SSR Malaysia sahaja disebabkan maklumat yang diperolehi terhadap dan tidak boleh digunakan untuk pengiraan di peringkat Negeri bagi mengelakkan perbezaan kaedah pengiraan SSR.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(A)(II)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN KEBUN BUNGA
YB LEE BOON HENG**

28. Lawatan kerja ke luar negara.

- (a) Berapakah bilangan rombongan lawatan kerja yang melibatkan dana Kerajaan Negeri ke luar negara bagi tempoh Ogos 2023 hingga Oktober 2024? Berikan dengan terperinci termasuk nama ahli rombongan dan tempat yang dilawat.
- (b) Apakah kejayaan-kejayaan lawatan kerja ini?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

28. Bagi tempoh Ogos 2023 hingga Oktober 2024, sebanyak RM1,241,053.61 telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk 26 lawatan ke luar negara melibatkan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK). Lawatan-lawatan ini turut disertai oleh sebahagian ADUN dan pegawai-pegawai kerajaan berkaitan. Antara negara yang terlibat bagi lawatan kerja tersebut adalah China, Arab Saudi, Korea Selatan, Thailand, Singapura, Mesir, Australia, India, Indonesia, German, Dubai, Rusia, Eropah, Jerman dan Hong Kong.

Ahli MMK serta hasil kejayaan bagi setiap lawatan kerja adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

SENARAI LAWATAN KERJA RASMI KE LUAR NEGARA DARI OGOS 2023 HINGGA BULAN OKTOBER 2024

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
TAHUN 2023				
1	Lawatan Delegasi Ketua Menteri Pulau Pinang Ke Bandar Xiamen Bagi Menyertai China International Fair for Investment & Trade (Cifit) Serta Meraikan Ulangtahun Ke-30 Jalinan Bandar Berkembar Pulau Pinang-Xiamen Di Xiamen, Republik Rakyat China Pada 5 - 9 September 2023	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> • YB H'ng Mooi Lye Lain-lain: <ul style="list-style-type: none"> • Ahli Dewan Undangan Negeri • Pejabat Ketua Menteri • Majlis Bandaraya Pulau Pinang • Persatuan Sahabat Penang-Xiamen (PENXIA) 	RM 156,835.25	<ul style="list-style-type: none"> • Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mengukuhkan dan meraikan hubungan Bandar Berkembar ke-30 tahun antara Bandar Raya George Town, Pulau Pinang dengan Bandar Raya Xiamen, Republik Rakyat China. Selain itu, lawatan ini juga boleh membangunkan kerjasama yang saling memanfaatkan kedua-dua pihak melalui pertukaran dalam bidang berkepentingan bersama seperti ekonomi, perdagangan, pendidikan, sains, kebudayaan dan pelancongan.
2	Lawatan Kerja Bagi Penyertaan ITB China 2023 di Shanghai World Expo Exhibition & Convention Center (SWEECC), Bersama Delegasi Penang Global Tourism (PGT) Dari 11 - 15 September 2023	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> • YB Wong Hon Wai Lain-lain: <p>Penang Global Tourism (PGT)</p>	RM 25,850.00	<ul style="list-style-type: none"> • Kunjungan hormat kepada Kerajaan Perbandaran Suzhou untuk meneroka potensi kerjasama masa hadapan diantara kedua-dua bandar.

LAMPIRAN A

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
3	Lawatan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang MAINPP ke Kaherah, Mesir bagi Majlis Penyerahan Pemilikan Kosong Bangunan Asrama Pelajar Pulau Pinang dan kunjungan ke Islamic Research & Training Institute Jeddah, Arab Saudi pada 16 - 24 September 2024	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> ● YB. Dato' Dr Mohamad Bin Abdul Hamid Lain-lain: <ul style="list-style-type: none"> ● MAINPP ● Zakat Pulau Pinang ● JHEAIPP 	RM 30,000.00	<ul style="list-style-type: none"> ● Untuk membuat pemeriksaan akhir terhadap bangunan asrama pelajar Pulau Pinang sebelum menandatangani dokumen Penyerahan Milikan Kosong asrama tersebut kepada pihak MAINPP. ● Kemudiannya membuat kunjung hormat ke Islamic Research & Training Institute Jeddah, Arab Saudi bagi menjalinkan kerjasama dalam modul-modul.
4	Lawatan Penanda Aras Bajet Penyertaan Rakyat dan Responsif Gender (GRP) Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Pulau Jeju dan Seoul, Korea Selatan pada 9 - 13 Oktober 2023	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> ● YB Lim Siew Khim ● YB H'ng Mooi Lye Lain-lain: <ul style="list-style-type: none"> ● JKN ● BPEN ● PWDC ● Pegawai khas Exco (2) 	RM 54,547.00	<ul style="list-style-type: none"> ● Jawatankuasa DKG di peringkat negeri bagi laporan perkembangan GRPB dan DKG oleh semua jabatan dan agensi; ● Pelaksanaan <i>Gender Impact Assessment</i> (GIA) dan ● Mengguna pakai Tatakelola Gender.

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
5	Lawatan Kerja Pengerusi Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan Dan Pembangunan Koperasi Ke Prince of Songkla University, Thailand Dari 24 - 26 Oktober 2023	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> • YB Fahmi Bin Zainol Lain-lain: <ul style="list-style-type: none"> • FAMA Pulau Pinang • Pegawai Khas Exco 	RM16,345.00	<ul style="list-style-type: none"> • Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkongsi dasar, sistem pentadbiran dan inisiatif yang diambil masing-masing dengan Ketua Pegawai Daerah Hat Yai, Tuan Chavakit Suwankiri. Kelebihan sistem pentadbiran Thailand dalam bidang pertanian adalah keselarasan antara kementerian, jabatan dan agensi yang menguruskan polisi dan inisiatif pertanian seluruh negara. • Selain itu, delegasi Kerajaan Negeri juga berpeluang untuk bertemu dengan pengerusi dan wakil dari <i>The Federation of Thai Industries, Songkhla Chapter</i> untuk saling berkongsi maklumat sektor pertanian dan perikanan serta peluang untuk pelaburan dan kerjasama antara pemain swasta Songkhla dan Pulau Pinang. Kerjasama ini dapat membantu meningkatkan hasil pertanian tempatan di samping membuka peluang pendapatan yang baharu kepada Pulau Pinang. • Secara keseluruhan, lawatan kerja ini dapat membantu Kerajaan Negeri dalam merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif agroteknologi dan agromakanan

LAMPIRAN A

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
				melalui kemajuan teknologi serta kerjasama dwi hala untuk meningkatkan produktiviti dalam bidang pertanian. Perkara ini dapat menjana pendapatan tambahan buat pengusaha bidang pertanian dan agro makanan selaras dengan matlamat visi Penang2030.
6	Lawatan Kerja YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif Bagi Penyertaan <i>Internationale Tourismus-Borse</i> (ITB) Asia di Singapura bersama delegasi Penang Global Tourism (PGT) dari 24 - 27 Oktober 2023.	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> • YB Wong Hon Wai Lain-lain: Penang Global Tourism (PGT)	RM14,975.00	<ul style="list-style-type: none"> • Kunjungan hormat kepada Tuan Alvin Tan, Menteri Perdagangan, Perindustrian, Kebudayaan Masyarakat dan Belia Singapura.
7	Lawatan ke Bangunan Asrama Pelajar Pulau Pinang di Kaherah, Mesir pada pada 16 - 24 Disember 2023 Disember 2023	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> • YB Dato' Dr Mohamad Bin Abdul Hamid • YB Dato' Haji Rashidi bin Zinol • YB Fahmi bin Zainol Lain-lain: <ul style="list-style-type: none"> • MAINPP (2) 	RM307,823.00	<ul style="list-style-type: none"> • Melihat perkembangan pembangunan Asrama Pelajar Pulau Pinang di Kaherah, Mesir sekaligus membuat pemeriksaan teknikal terhadap bangunan asrama tersebut sebelum pihak MAINPP menjelaskan bayaran 30% daripada keseluruhan Harga Jual Beli bangunan asrama yang berjumlah

LAMPIRAN A

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
		<ul style="list-style-type: none"> • Zakat Pulau Pinang) • Wakaf Pulau Pinang • KITAB • JHEAIPP • Setiausaha Sulit TKM1 • Pegawai Khas TKM1 • Wakil-wakil agensi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah 		<p>USD 3,825,000.00 juta kepada pihak Penjual.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjalin kerjasama yang erat bersama pelbagai pihak yang berkepentingan di Mesir dan Jordan dalam memperkasa pembangunan modal insan Islam dikalangan pelajar seiring dengan Visi Penang2030 disamping menyantuni dan meninjau kebajikan para pelajar Pulau Pinang terutamanya dalam isu bangunan asrama pelajar Pulau Pinang milik Kerajaan Negeri yang sedang dalam proses pembinaan serta penambahbaikan. • Menganjurkan Majlis Mesra Madani bersama keseluruhan pelajar dan pimpinan Badan Kebajikan Pelajar Pulau Pinang di Mesir dan Jordan. Dalam majlis ini, para pelajar diberi pendedahan berkaitan hasrat Kerajaan Negeri pada masa akan datang di bawah gagasan Penang 2030 dan Malaysia Madani, menyantuni pelajar dengan penyerahan Bakul Makanan Rahmah kepada wakil rumah sewa atau asrama, dan Majlis Penyampaian Anugerah Pelajar Cemerlang Akademik sesi 2023 di Jordan.

LAMPIRAN A

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
				<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan Negeri berkesempatan mengadakan wacana/diskusi Ilmiah bersama pelajar Pulau Pinang di Mesir dan Jordan untuk memberi peluang kepada para anggota delegasi Kerajaan Negeri berkongsi pengalaman serta ilmu dengan harapan untuk melahirkan lebih ramai graduan Pulau Pinang berkualiti tinggi serta mampu menjadi ikon pada masa akan datang. • Mengadakan lawatan/ziarah mahabbah ke asrama pelajar di Haiyyu Sabiek, Mesir bagi meninjau kerosakan seperti yang dilaporkan oleh pegawai di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ketika lawatan kerja tempoh hari dan kemudahan asrama pelajar perlu ditingkatkan demi keselesaan pelajar kerana tiada penambakan dilaksanakan sejak sekian lama. • Kunjungan hormat ke Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Mesir dan Jordan untuk saling berkongsi maklumat/perbincangan berkaitan keperluan semasa pelajar, isu-isu yang berbangkit, hal-hal berkaitan kebajikan pelajar dan program usaha sama

LAMPIRAN A

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
				<p>bersama universiti tempatan di Mesir dan Jordan dalam usaha memberi peluang para pelajar dari negeri Pulau Pinang melanjutkan pengajian di Mesir dan Jordan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan kunjungan hormat/ lawatan rasmi ke Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir dan Pejabat Presiden the World Islamic Sciences and Education University (WISE) Amman, Jordan serta menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) diantara Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) Pulau Pinang dengan Universiti Al-Azhar, Kaherah, Mesir dan The World Islamic Sciences and Education University (WISE) Amman, Jordan.
8	Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang Ke Adelaide, Australia Pada 2 - 9 Disember 2023	<p>YB EXCO:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YB H'ng Mooi Lye <p>Lain-lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Bandar • Ahli Majlis • Bahagian Kerajaan Tempatan • Pegawai MBPP • Pegawai khas Exco 	RM134,660.00	<ul style="list-style-type: none"> • Lawatan ini merupakan satu platform yang baik untuk Kerajaan Negeri bagi melihat teknologi dan kaedah terkini berkenaan penggunaan tenaga yang diperbaharui bagi membangunkan sebuah bandar mampan dan bersih di negara-negara maju selaras dengan Visi Penang 2030: <i>family-focused, green and smart state</i>. Selain itu, lawatan ini juga membantu Kerajaan Negeri untuk

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
				<p>memahami sistem dan teknologi yang telah dilaksanakan dan pengurusan bandar pintar dengan lebih mendalam supaya dapat dilaksanakan di negeri Pulau Pinang mengikut situasi yang sesuai.</p>
9	<p>Lawatan Kerja Delegasi Timbalan Ketua Menteri II Pada 5 Disember 2023 - 10 Disember 2023 Menghadiri Forum Medtech2023 Pada 6 Disember 2023 Yang Diadakan Di Suntec Convention, Singapura.</p>	<p>YB EXCO:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YB Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh <p>Lain-lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tech Dome Penang • Pegawai Khas Exco 	RM23,852.90	<ul style="list-style-type: none"> • Membincangkan potensi kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat terkemuka dan institusi penyelidikan di Singapura dan seantero dunia serta memperoleh peluang dalam menjalankan penyelidikan termasuk membangunkan projek-projek inovatif; • Mewujudkan perkongsian maklumat yang efektif mengenai teknologi terkini dalam bidang industri pembuatan bersama kilang-kilang terkemuka seperti Hewlett Packard (HP) dan FLEX yang merupakan antara syarikat EMS (Electronic Manufacturing Services) iaitu industri ketiga terbesar di dunia yang turut beroperasi di Pulau Pinang; • Melawat kilang HP dan FLEX ini juga akan membuka laluan untuk berkongsi idea serta pengetahuan yang lebih mendalam mengenai sistem pengurusan, teknologi keselamatan

LAMPIRAN A

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
				<p>terkini, kemahiran pengurusan dan pengendalian bakat serta tenaga kerja yang berkemahiran tinggi;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meneliti bidang penyelidikan dan pembangunan berkaitan sains dan teknologi terutamanya dalam merangka strategi pembangunan Pulau Pinang; dan • Mewujudkan peluang bagi menilai potensi Singapura dalam bidang penyelidikan untuk membawa teknologi terkini ke Pulau Pinang sambil menjalinkan hubungan baik dengan pelabur tempatan mahupun antarabangsa yang berminat dalam perkembangan industri Sains dan Teknologi.
10	Lawatan Kerja Ke Singapore Sports Hub - National Singapore Stadium Dan Jurong Lake Garden, Singapura Dari 17 - 19 Disember 2023	<p>YB EXCO:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YB Tuan Gooi Zi Sen <p>Lain-lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> • PSDKLPP (4) • Pegawai Khas Exco 	RM10,451.70	<ul style="list-style-type: none"> • Melihat dan mengambil pendekatan yang diambil oleh kerajaan singapore berkaitan pembangunan sukan terutamanya dalam pembinaan stadium dan kawasan rekreasi.
11	Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Program <i>When Buddha Meets</i>	<p>YB EXCO:</p> <ul style="list-style-type: none"> • YB Lim Siew Khim • YB Teh Lai Heng (ADUN Komtar) 	RM15,795.00	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkenal dan promosi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan;

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
	<i>The Gods</i> anjuran Muzium Fo Guang Shan Buddha di Kaohsiung, Taiwan, Republic of China (R.O.C) dari 23 - 28 Disember 2023	Lain-lain: <ul style="list-style-type: none"> • HARMONICO • Pegawai khas Exco 		<ul style="list-style-type: none"> • Mempelajari pelancongan keagamaan seperti di Taiwan R.O.C.
TAHUN 2024				
1	Penyertaan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Penang Roadshow for Xiamen Bersama Delegasi Penang Global Tourism (PGT) Dari 4 - 7 Januari 2024.	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> • YB Wong Hon Wai Lain-lain: Penang Global Tourism (PGT)	RM23,400.00	<ul style="list-style-type: none"> • Mengeratkan hubungan <i>sister city</i> di antara Xiamen dan Pulau Pinang
2	Penyertaan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke 10th Annual Global Organisation of Tamil Origin Meet – A Decade Of Excellence Di Chennai, India Dari 5 - 13 Januari 2024.	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> • YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu • YB Kumaresen A/L Arumugam (ADUN Batu Uban) 	RM49,915.00	<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan kerjasama dan perbincangan dasar serta projek keusahawanan. • Memperkenalkan dan mempromosikan budaya, seni dan warisan masyarakat Tamil ke seluruh dunia.

LAMPIRAN A

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
		<ul style="list-style-type: none"> ● YB Kumaran A/L Krishnan (ADUN Bagan Dalam) <p>Lain-lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● MBSP (2) ● Lembaga Wakaf Hindu ● Pegawai Khas Exco ● Pegawai ADUN Batu Uban 		<ul style="list-style-type: none"> ● Mengeratkan dan memupuk kerjasama antara Kerajaan Negeri dan World Tamil Chamber of Commerce yang boleh membuka peluang dalam bidang perniagaan antara dua buah negara. ● Memperkenalkan dan mempromosikan Pulau Pinang di peringkat antarabangsa.
3	<i>Penang Roadshow to India (PRTI) 13 - 24 Januari 2024</i>	<p>YB EXCO:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● YB Wong Hon Wai <p>Lain-lain:</p> <p>Penang Convention and Exhibition Bureau (PCEB)</p> <p>Perbadanan Ketua Menteri (CMI)</p>	RM51,700.00	<ul style="list-style-type: none"> ● Penyertaan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama PCEB ke <i>Penang Roadshow To India (PRTI) 2024</i> dari 13 hingga 24 Januari 2024. ● Kunjung hormat kepada Menteri Pelancongan Tamil Nadu, Tuan Thiru K. Ramachandran
4	Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke <i>Medan Fair</i> di Sumatera Utara, Indonesia pada 5 - 7 Februari 2024	<p>YB EXCO:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● YB Dato' Haji Rashidi <p>Lain-lain:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● BPEN (3) ● Pegawai Khas Exco 	RM26,510.00	<ul style="list-style-type: none"> ● Menjalinkan hubungan kerjasama di antara pihak YB EXCO MMK Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar yang baharu bersama pihak Pemerintah Sumatera Utara; ● Memberi pendedahan kepada pihak YB EXCO MMK Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar berkenaan penganjuran Medan Fair serta budaya tempatan berkaitan keusahawanan; dan

LAMPIRAN A

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
				<ul style="list-style-type: none"> Meninjau keadaan semasa Pavilion Pulau Pinang di Tapak Medan Fair serta penambahbaikan yang perlu dilaksanakan.
5	Cadangan Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Kilang Pemasangan Jentera Materials Recovery Facility (MRF) Dan Loji Pengurusan Sisa Pepejal Di Qingdao Dan Shanghai, China Dari 20 - 27 Mac 2024	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> YB H'ng Mooi Lye (Exco) Lain-lain: <ul style="list-style-type: none"> Bahagian Kerajaan Tempatan (BKT), PSUKPP (2) Pegawai Khas Exco 	RM12,190.00	<ul style="list-style-type: none"> Lawatan kerja ini bertujuan untuk memahami keperluan pelaksanaan Waste-to-Energy (WtE) yang merupakan hala tuju Kerajaan Negeri bagi mewujudkan sistem pengurusan sisa pepejal yg berkesan di Pulau Pinang dan mengetahui lebih lanjut tentang kilang pemasangan Materials Recovery Facility (MRF) yg akan dilaksanakan di Integrated Solid Waste Management Centre (ISWMC) Ampang Jajar di bawah seliaan Majlis Bandaraya Seberang Perai.
6	Penyertaan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang Ke Penang Roadshow in Taipei Bersama Penang Global Tourism (PGT) Dari 26 - 31 Mac 2024.	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> YB Wong Hon Wai Lain-lain: <ul style="list-style-type: none"> Penang Global Tourism (PGT) 	RM24,350.00	<ul style="list-style-type: none"> Penyertaan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke <i>Penang Roadshow in Taipei</i> bersama <i>Penang Global Tourism (PGT)</i> bermula dari 26 hingga 30 Mac 2024. Mengadakan pertemuan dengan Starlux Airlines bagi mengadakan perbincangan untuk menambah

LAMPIRAN A

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
				bilangan penerbangan dari Taipei ke Pulau Pinang.
7	Lawatan Kerja Teknikal ke kilang pengeluar sistem kereta kabel dan pengeluar komponen lain sistem kereta kabel di Austria dan Switzerland dari 21 - 25 April 2024	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> ● YB Zairil Khir Johari ● YB Wong Hon Wai Lain-lain: <ul style="list-style-type: none"> ● PSUKPP ● Jabatan Kewangan Negeri ● Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang 	RM33,370.76 Sebahagian lagi kos ditanggung oleh Hartasuma Sdn. Bhd. sebagai memenuhi syarat konsesi.	<ul style="list-style-type: none"> ● Lawatan ke ibu pejabat dan kilang Doppelmayr Cable Car GmbH, kilang dan fasiliti CWA Constructions yang merupakan pengeluar gondola, kilang pengeluar kabel (<i>wire rope</i>) iaitu Fatzer AG Wire Ropes serta ke ibu pejabat dan kilang Garaventa AG; ● Taklimat dan demonstrasi produk yang akan digunakan bagi projek kereta kabel Bukit Bendera;
8	<i>Arabian Travel Mart</i> (ATM) Dubai dari 5 - 8 Mei 2024	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> ● YB Wong Hon Wai Lain-lain: Penang Global Tourism (PGT)	RM24,482.00	<ul style="list-style-type: none"> ● Penyertaan delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke <i>Arabian Travel Mart</i> (ATM) di Dubai bersama Penang Global Tourism (PGT) dari 5 hingga 8 Mei 2024.
9	Menghadiri Program Russia Halal Expo 2024 bersempena 15th International Economic Forum "Russia – Islamic World: Kazan Forum 2024 pada 14 - 19 Mei 2024	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> ● YB Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid Lain-lain: <ul style="list-style-type: none"> ● MAINPP 	RM60,000.00	<ul style="list-style-type: none"> ● Lawatan dibawah program halal bagi menjalinkan kerjasama agensi halal di antara Rusia dan Malaysia dalam membangunkan Penang Halal International.

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
10	Lawatan Kerja YB Tuan Fahmi Zainol Ke 15th International Economic Forum "Russia-Islamic World: Kazanforum 2024" Di Kazan, Republik Tatarstan Dari 14 - 19 Mei 2024.	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> • YB Fahmi Bin Zainol Lain-lain: <ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Khas Exco 	RM36,077.00	<ul style="list-style-type: none"> • Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkongsi pendapat dengan Tuan Gelyus Bayazitov, Timbalan Menteri Pertanian Republik Tatarstan. Masing-masing telah membentangkan hala tuju, sistem pentadbiran dan inisiatif yang diambil untuk bidang pertanian dan agroteknologi serta turut berkongsi cabaran-cabaran yang dihadapi. • Di sesi <i>Russia-Malaysia Roundtable</i>, YB Tuan Fahmi Zainol telah menyampaikan ceramah bertajuk "<i>Examples and Opportunities Of Agricultural Cooperation At The Regional Level</i>" dengan perkongsian tentang pelan dan hala tuju bidang agroteknologi dan keterjaminan makanan Negeri Pulau Pinang untuk jangka masa pendek dan panjang. YB juga turut mempromosi pencapaian Negeri Pulau Pinang terutamanya dalam sektor penanaman padi, perikanan dan akuakultur serta pengeluaran buah-buahan tempatan seperti durian dan nanas. Cadangan-cadangan kerjasama dua hala untuk pemindahan teknologi dan kepakaran dalam bidang pertanian, aktiviti import dan eksport, dan kerjasama antara agensi dan jabatan kerajaan turut

LAMPIRAN A

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
				<p>ditawarkan dalam sesi tersebut.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Selain itu, delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga berpeluang untuk bertemu dengan TYT Rustam Minnikhanov, Rais (Presiden) Republik Tatarstan dan juga wakil-wakil kerajaan negara asing seperti Kyrgyzstan, Kazakhstan, Uzbekistan dan Oman di <i>networking dinner</i> sempena Kazan Forum 2024 untuk saling berkongsi maklumat bidang agroteknologi dan penghasilan makanan serta peluang untuk kerjasama dalam aktiviti import dan eksport. Kerjasama ini dapat membantu meningkatkan hasil pertanian tempatan dan mencari sumber alternatif bagi memastikan keterjaminan makanan di Negeri Pulau Pinang. • Seterusnya, delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang berpeluang bertemu dengan Menteri Pertanian dan Ketua Wilayah Spassky, Republik Tatarstan untuk mempromosikan Negeri Pulau Pinang dan meneroka peluang kerjasama dalam bidang pertanian. Delegasi juga dibawa untuk mengunjungi ladang unta di Bolgar, Wilayah Spassky yang merupakan

LAMPIRAN A

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
				<p>ladang unta terbesar di Rusia. Ladang unta ini merupakan hasil pelaburan swasta dengan mendapat sokongan kerajaan untuk dipromosikan sebagai destinasi eko-pelancongan. Produk-produk sampingan yang dihasilkan daripada unta juga mendapat sambutan yang baik dari dalam dan luar negara.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dalam lawatan kerja ini, delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga menghadiri majlis makan malam yang dianjurkan oleh <i>International Center for Standardization and Certification of Halal under the Council of Muftis of Russia</i> (ICSC Halal). Pengurusan tertinggi ICSC Halal amat berminat dengan produk agromakanan hasilan Negeri Pulau Pinang yang diiktiraf halal dan sedang dalam perbincangan untuk mengimport produk-produk ini ke Negara Rusia untuk memenuhi kehendak pasaran asing.

LAMPIRAN A

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
11	International Races Hong Kong, China 13 - 17 Jun 2024	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> ● YB Wong Hon Wai Lain-lain: Penang Global Tourism (PGT)	RM15,865.00	<ul style="list-style-type: none"> ● Mengadakan lawatan kerja ke Ibu Pejabat <i>HK Express</i>. Pihak <i>HK Express</i> telah menyatakan minat untuk mengadakan penerbangan terus dari Hong Kong ke Pulau Pinang susulan daripada pertemuan ini.
12	<i>2024 Liaison Meeting for Sister Cities</i> di Hainan, China 15 - 18 Julai 2024	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> ● YB Wong Hon Wai Lain-lain: Penang Global Tourism (PGT)	RM8,860.00	<ul style="list-style-type: none"> ● Penyertaan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke <i>2024 Liaison Meeting For Sister Cities</i> juga telah menjemput penyertaan pasukan dari Sanya untuk menyertai Pertandingan Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang pada 23 hingga 24 November 2024 di Pulau Pinang.
13	<i>Penang Roadshow di Chongqing</i> pada 18 September 2024 iaitu yang telah diadakan di Grandballroom, Wyndham Grand Plaza Royale Huayu, Chongqing	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> ● YB Wong Hon Wai Lain-lain: Penang Global Tourism (PGT)	RM16,214.00	<ul style="list-style-type: none"> ● Perbincangan juga dibuat dengan ejen-ejen industri pelancongan untuk mengadakan laluan penerbangan terus dari bandaraya di bahagian Tengah dan Barat China antaranya Chengdu ke Pulau Pinang serta <i>chartered flight</i> dari Beijing ke Pulau Pinang.
14	Lawatan Delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang MAINPP ke Kaherah, Mesir bagi Majlis Penyerahan Pemilikan Kosong Bangunan Asrama Pelajar Pulau Pinang	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> ● YB Dato' Dr. Mohamad Bin Abdul Hamid Lain-lain: <ul style="list-style-type: none"> ● MAINPP ● JHEAIPP ● Zakat Pulau Pinang 	RM30,000.00	<ul style="list-style-type: none"> ● Untuk membuat pemeriksaan akhir terhadap bangunan asrama pelajar Pulau Pinang sebelum menandatangani dokumen Penyerahan Milikan Kosong asrama tersebut kepada pihak MAINPP. ● Kemudiannya membuat kunjung hormat ke Islamic Research & Training

LAMPIRAN A

Bil.	Nama/ Tarikh Program	Nama Pegawai Yang Turut Serta	Jumlah Perbelanjaan	Faedah, Pulangan Dan Hasil Lawatan
	dan kunjungan ke Islamic Research & Training Institute Jeddah, Arab Saudi pada 16-24 September 2024			Institute Jeddah, Arab Saudi bagi menjalankan kerjasama dalam modul-modul.
15	Lawatan Kerja ke Banda Aceh, Indonesia pada 23 – 25 Oktober 2024	YB EXCO: <ul style="list-style-type: none"> • YB. Dato’ Haji Rashidi bin Zinol Lain-lain: <ul style="list-style-type: none"> • BPEN (3) • Pegawai Khas Exco • Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan (3) 	RM36,985.00	<ul style="list-style-type: none"> • YB EXCO MMK Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar bersama pihak pemerintah Aceh, Indonesia. • Memberi pendedahan kepada pihak YB EXCO MMK Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar serta delegasi Kerajaan Negeri berkenaan budaya tempatan berkaitan keusahawanan dan luar bandar di Aceh.